

Gesa kerajaan negeri

naik taraf sungai *3/2/2018 Sinar Harian m/s 20*

Penduduk dakwa kawasan kediaman kerap banjir sejak Oktober tahun lalu

SEMENYIH - Penduduk Beranang mengesakan kerajaan negeri menaikkan taraf atau membaik pulih sistem saliran sungai di kawasan itu bagi mengatasi masalah banjir.

Penduduk Kampung Tanjung Beranang, Mansor Yusof, 61, berkata, paras air Sungai Sampo berdekatan rumahnya semakin cetek menjadi salah satu punca banjir dan air melimpah ke rumah terutama ketika hujan lebat.

"Saya kerugian kira-kira RM6,000 disebabkan banjir yang berlaku dua kali sejak Oktober hingga Disember tahun lalu.

"Bencana itu merosakkan harta benda seperti perabot dan peralatan rumah. Saya berharap pihak berkenaan dapat atasi masalah ini segera," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Kampung Sesapan Rembau, Abdul Rahman Siarap berkata, beliau amat kesal dan sedih melihat penduduk yang terpaksa berhadapan kejadian banjir yang berulang.

"Sejak Oktober lalu hingga bulan ini kerap berlaku hujan dan



Azman (kiri) sedang berbincang dengan penduduk kampung berhubung masalah banjir yang sering berlaku.

banjir. Ada beberapa kawasan di sini terjejas teruk akibat banjir lumpur," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Gagasan Prihatin Semenyih Azman Ahmad berkata, projek tebatan banjir Lembangan Sungai Langat perlu dilaksanakan secara berterusan.

"Projek ini bertujuan mendalamkan sungai selain membaiki dan mengukuhkan tebing sungai. Saya dimaklumkan banjir kerap berlaku di Beranang, Kajang, Sungai Sekamat di Hulu Langat.

"Keadaan banjir bertambah buruk apabila banyak projek pembangunan di kawasan hulu

dan hilir sungai sehingga mengakibatkan hakisan tanah dan pendamparan," katanya.

Menurutnya, pihaknya difahamkan kerajaan negeri mengarahkan supaya 33 sungai di bawah projek itu dikawal selia oleh Jabatan Pengairan dan Saliran bagi mengatasi masalah banjir.